

Peminjam perlu bijak urus kewangan bayar balik hutang

Laporan yang menyebut seramai 690,000 peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) disenarai dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit (CCRIS) kerana tidak pernah membayar pinjaman pendidikan diterima adalah sesuatu yang seharusnya tidak berlaku. Disenaraikan CCRIS bermakna peluang seseorang untuk mendapatkan pinjaman dari semua institusi kewangan, termasuk pinjaman peribadi, kad kredit, perumahan dan kenderaan akan terhalang.

Peminjam PTPTN perlu menitikberatkan amalan menabung, sama ada yang sudah bekerja atau yang masih belajar. Peminjam harus lebih kreatif mengatasi masalah hutang tertunggak. Antara langkah boleh diambil ialah menyimpan wang bonus, membuat perniagaan sampingan dan mengurus kewangan dengan efisien.

Pengerusi PTPTN, Datuk Shamsul Anuar Nasarah, menyatakan bahawa setiap ta-

hun PTPTN memerlukan sebanyak RM5 bilion untuk dijadikan pinjaman kepada pelajar baharu. Jumlah yang besar ini sudah pasti tidak mencukupi sekiranya peminjam masih bersikap 'acuh tak acuh' untuk melangsaikan pinjaman pendidikan mereka.

Konsisten bayar hutang

Peminjam perlu memotivasi diri supaya konsisten membayar hutang. Memandangkan majoriti penerima pinjaman PTPTN adalah orang Melayu yang beragama Islam, disaran agar segera membayar

“Peminjam PTPTN seharusnya lebih kreatif mengatasi masalah hutang tertunggak. Antara langkah boleh diambil ialah simpan wang bonus, membuat perniagaan sampingan dan urus kewangan dengan efisien”

hutang. Terdapat hadis yang bermaksud: “Roh seseorang Mukmin itu tergantung yakni dihalang daripada tempat yang mulia dengan sebab hutangnya sehinggalah hutang itu dijelaskan.” Hadis riwayat At-Tirmizi dan Ibnu Majah.

Perlu diingat, kerajaan sangat memerlukan wang bayaran pinjaman berkenaan untuk memberi pinjaman kepada penuntut lain. Ini harus diambil serius peminjam kerana kerajaan ingin memastikan agar dapat membantu mereka yang memerlukan supaya tidak tercicir dalam menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Tidak dinafikan jumlah pinjaman yang diterima besar. Namun, jika peminjam bijak mengawal kewangan peribadi, sudah pasti hutang itu dapat dilangsaikan segera.